

HUBUNGI SEKAD SENTRAL  
BAKATU MUSTAJA • 019-9391256 / 019-9391186

# Cuti kakitangan HSNZ dibekukan

Berikutan kes demam denggi yang semakin kritikal di Terengganu

■ NORADILA MAHAMAD

**KUALA TERENGGANU** - Cuti semua kakitangan Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), di sini, dibekukan sejak akhir Disember lalu berikutan kes demam denggi yang semakin kritikal di Terengganu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Datuk Muhammad Pehimi Yusof berkata, keputusan itu wajar dilaksanakan memandangkan purata pesakit demam denggi kini mencecah 30 orang sehari sejak tiga hari lalu.

Menurutnya, pihak hospital turut bekerjasama dengan Universiti Sultan Zainal Abidin dan kolej-kolej kejurawatan untuk membantu mereka di HSNZ.

"Sekarang pihak hospital telah membuat penyusunan semula tugas-an serta menggerakkan staf daripada unit-unit lain bagi membantu dalam penjagaan kes denggi termasuk pegawai perubatan dan jururawat.

"Sebenarnya apabila kita telah membuat penyusunan semula, masalah ini masih belum selesai kerana mereka bekerja mengikut syif, sebab itu pihak hospital bekerjasama dengan universiti dan kolej yang mempunyai kepakaran dalam bidang perubatan untuk membantu di HSNZ," katanya



Ibu mangsa, Nor Aniza Mohd Zahid (tengah) menceritakan keadaan Amera sebelum meninggal dunia di ICU, HSNZ kelmarin, kepada Pehimi (kanan) dan tetamu yang menziarahinya, semalam.

kepada media selepas menziarahi keluarga mangsa yang maut akibat kes demam denggi di Kampung Tanjung Paya, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Mohamad Omar dan Pegawai Pembangunan Parlimen Kuala Terengganu, Datuk Mohd Sabri Alwi.

Pehimi juga tidak menolak kemungkinan akan menggunakan kakitangan dari hospital daerah lain termasuk di klinik-klinik kesihatan bagi membantu pihak HSNZ mengurus-

kan pesakit berkenaan memandangkan berlaku pertambahan lokaliti wabak kepada 12 kawasan, setakat semalam.

Dalam masa sama, enam buah wad khas denggi dibuka di HSNZ iaitu untuk wad lelaki, perempuan dan kanak-kanak termasuk wad khas separa kritikal.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam) 141 kes demam denggi direkodkan dengan tiga kematian dan 104 kes masih menerima rawatan di HSNZ. Dua kes dirawat di Unit

Rawatan Rapi (ICU) dan lapan kes di wad separa kritikal, selebihnya di wad khas denggi dan juga wad biasa.

"Semalam (kelmarin) ada 111 kes, hari ini (semalam) turun kepada 104 kes dan di harap angka ini akan terus menurun dengan adanya gerak-gerup yang dilakukan 40 kumpulan daripada Jabatan Kesihatan Negeri termasuk 10 daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu sejak minggu lepas, bagi mencari kawasan penubuhan nyamuk aedes selain menyebarkan maklumat mengenai denggi," jelasnya.

Sementara itu, Pehimi berkata, kematian adik Nur Amera Natasha Sharudin, 12, kelmarin yang disebabkan gigitan nyamuk aedes dipercayai berlaku di luar kawasan kampung berkenaan kerana di situ bukan kawasan wabak.

"Kita percaya arwah (Amera) dijangkiti wabak denggi di kawasan lain dan kemungkinan di sekolah atau kawasan sekitar tetapi bukan di Kampung Tanjung Paya. Bagaimanapun, semua penduduk ditingatkan mengambill langkah berjaga-jaga," jelasnya.

Semalam, Sinar Harian melaporkan seorang murid tahun enam dari SK Tengku Ampuan Mariam meninggal dunia akibat demam denggi.

**INFO**

**Lokaliti Wabak Denggi**

- 1 - Kampung Panji Alam, Kuala Terengganu.
- 2 - Kampung Losong Haji Mat Shafie, Kuala Terengganu.
- 3 - Kampung Losong Haji Su, Kuala Terengganu.
- 4 - Kampung Chendering Pantai, Kuala Terengganu.
- 5 - Kampung Bukit Besar, Kuala Terengganu.
- 6 - Kampung Gong Tok Nasek Hillir, Kuala Terengganu.
- 7 - Kampung Kedai Buluh, Kuala Terengganu.
- 8 - Flat Polis Padang Hilliran, Kuala Terengganu.
- 9 - Kampung Nibong Atas, Kuala Terengganu.
- 10 - Kampung Duyung Besar, Kuala Nerus.
- 11 - Taman Permint Perdana Fasa 1, Kuala Nerus.
- 12 - Taman Permint Perdana Fasa 5, Kuala Nerus.